

BANGI, 2 DIS. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI MEMASTIKAN BAHAWA PERKEMBANGAN PELAJARAN DAN FAHAMAN YANG SALAH SERTA TINDAKAN YANG BERASASKANNYA TIDAK BERAKAR UMBI DI KAMPUS MASING-MASING.

BELIAU MENGASKAN KEMUNGKINAN PELAJARAN AGAMA YANG SALAH BERLAKU DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI BUKANLAH SESUATU YANG MUSTAHIL DAN KEMUNGKINAN INI NAMPAKNYA SEMAKIN BERTAMBAH SEJAK KEBELAKANGAN INI.

INI DISEBABKAN OLEH IKLIM YANG TERDAPAT DALAM DUNIA ISLAM SEKARANG, KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI +ISLAM DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI ASEAN+ DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI CONTOH CEL KOMUNIS BIASANYA TERLETAK DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DAN DARI SITU MEREKA MEMBUAT BERBAGAI RANCANGAN UNTUK MENIMBULKAN HURU HARA DAN MEREBut KUASA.

+OLEH ITU ADALAH PENTING KITA TENTUKAN, TERUTAMA DALAM AGAMA ISLAM, TIDAK TERJADI PERKEMBANGAN PELAJARAN DAN FAHAMAN YANG SALAH DAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG BERASAS KEPADANYA DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI,+ UJARNYA. --BERSAMBUNG 1423/MD

MAHATHIR - SEMINAR 2 BANGI

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI SATU KENYATAAN SEKARANG YANG AGAMA ISLAM SEDANG MENGALAMI SUATU ZAMAN YANG SEGAN DALAM MANA RAMAI BENGANUTNYA MEMPUINYAI MINAT YANG KUAT UNTUK MELAKSANAKAN HUKUM-HUKUM ISLAM DENGAN SEPENUHNYA.

WALAPUN MINAT INI BOLEH MENGUKUH DAN MENGEMBANGKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENAR, DALAM KEADAAN INI AJARAN YANG SALAH JUGA MUDAH DITERIMA DAN DIKEMBANGKAN.

TAMBAHNYA, INI DAPAT DILIHAT DARI BERBAGAI KEGIATAN YANG BERLAKU SEKARANG.

SESIAPA SAHAJA YANG MEMBAWA PENDAPAT ATAU PENGETAHUAN YANG DIKAITKAN DENGAN AGAMA ISLAM, IANYA MUDAH DILAYAN DAN AJARANNYA PULA DITERIMA DAN DIAMALKAN.

TEGAS BELIAU: +UMPAMANYA ADA YANG BERKATA BAHAWA ISLAM IALAH YANG MENYIMPAN RAMBUT PANJANG ATAU MEMAKAI PAKAIAN KAIN PELEKAT YANG SINGKAT, ATAU WARNA HIJAU, MEMBUANG PETI TELEVISYEN, PAKAIAN KOTOR, KASUT SELIPAR ATAU MEMAKAI JUBAH, ATAU KOPIAH PUTIH ATAU KOPIAH HIJAU DAN SEBAGAINYA.

+SEMUA INI DITERIMA OLEH KUMPULAN ITU DAN KUMPULAN INI DAN DIAMAL SERTA DIPERTAHANKAN OLEH MEREKA KADANG-KADANG DENGAN SOMBONGNYA.+

MENURUTNYA, BERMULA DENGAN PENDAPAT YANG BEGITU EKSTREM, LAMA KELAMAAN DATANGLAH PENDAPAT DAN AJARAN YANG MELAMPAUI BATAS DAN AKHIRNYA MENYELEWENG DAN SESAT. --BERSAMBUNG 1431/MD

EE

B545

MAHATHIR - SEMINAR 3 BANGI

ADA PULA SETENGAHNYA YANG SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT MERANCANG KEGANASAN DAN REBUTAN KUASA SEBAGAI CARA YANG DIARAHKAN OLEH AGAMA.

TERDAPAT JUGA YANG INGIN MEMPERALATKAN AGAMA DAN TUHAN UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI ATAU KUMPULAN.

DENGAN INI DATANGLAH AJARAN YANG KARUT YANG TIDAK BERASASKAN AGAMA ISLAM SEHINGGA ADA YANG MENGAKU MEMPUINYAI KUASA GHAIB ATAU LAIN-LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA KERANA SEMINAR TERSEBUT JUGA MELIBATKAN PENYERTAAN WAKIL-WAKIL DARI NEGARA ASEAN YANG SUDAH TENTU AKAN MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA UMAT ISLAM DI RANTAU INI. --BERNAMA 1433/MD